



Terbit pada Sabtu  
minggu pertama setiap bulan

# Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

**BH**  
Berita Harian

## Menteri lawat China promosi minyak sawit

» Hubungan  
kerjasama  
dagangan dua  
hala KL-Beijing  
diperkukuh

Oleh Dr Ooi Cheng Keat  
dan Yoong Jun Hao  
ooi@mpob.gov.my dan  
jhyoong@mpob.gov.my

CHONGQING

**M**enteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok mengetuai delegasi lawatan kerja

ke China pada 26 November hingga 2 Disember lalu untuk mempromosi minyak sawit dan mengukuhkan hubungan kerjasama perdagangan dua hala antara kedua-dua negara.

Pada lawatan itu juga, beliau mengambil peluang menghadiri dan merasmikan 'Palm Oil Trade Fair and Seminar (POTS) 2012 China yang diadakan pada 29 November.

Sewaktu di Beijing, Tan Sri Bernard Dompok mengunjungi Timbalan Menteri Kesihatan China, Chen Xiao Hong dan mengadakan perbincangan mengenai kepentingan dan penggunaan minyak sawit di China.

### Jawatankuasa ditubuh

Hasil perbincangan itu, satu jawatan kuasa bersama Malaysia-



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, **Tan Sri Bernard Dompok** dan **Timbalan Menteri Kesihatan China, Chen Xiao Hong** (enam dari kanan) bersama delegasi Malaysia ke China. Turut kelihatan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (tiga dari kiri).

China ditubuhkan untuk meneliti cadangan dan bertukar pandangan serta maklumat teknikal dalam penetapan spesifikasi minyak sawit dalam perundangan China.

Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Choo Yuen May; Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Tan Sri Dr Yusof Basiron dan Setiausaha Bahagian Industri Sawit dan Sago, Akmah Ehtook dilantik sebagai wakil Malaysia dalam jawatan kuasa bersama itu.

Turut hadir, Duta Besar Ma-

laysia ke China, Datuk Iskandar Sarudin; Ahli Lembaga MPOB, Datuk Tan Yong Gee dan Pengurus Serantau Timur Jauh MPOB, Dr Ooi Cheng Keat.

Tan Sri Bernard Dompok juga menyampaikan ucapan pada POTS China dan ia adalah siri terakhir tahun ini bertujuan menyebarkan maklumat perkembangan industri minyak sawit Malaysia.

POTS China dihadiri 400 peserta. Ia anjuran bersama MPOC dan MPOB dengan kerjasama Development and Exchange Centre, Kementerian State Administra-

tion of Grain, China.

Sebanyak 11 kertas kerja dibentangkan semasa POTS China. Dr Choo membentangkan kertas kerja bertajuk "Malaysian Palm Oil Industry: Enhancing Palm Oil Competitiveness in the Chinese Market".

Selain itu, Tan Sri Bernard Dompok turut mengadakan sesi perbincangan dengan Timbalan Menteri State Administration of Grain China, Zeng Li Ying.

Perbincangan peringkat menteri itu tertumpu kepada kepentingan minyak sawit dalam pasaran makanan China.

## Kilang sawit diingatkan beli BTS pekebun kecil

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

**KOTA KINABALU:** Kilang kelapa sawit yang memproses buah tandan segar (BTS) bagi menghasilkan minyak mentah sawit (MSM) diingatkan supaya membeli BTS yang dihasilkan pekebun kecil, demikian ditegaskan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Beliau menjelaskan perkara itu pada sesi dialog dengan lebih 100 orang peserta dari industri sawit Sabah, di sini, baru-baru ini.

Mengikuti rekod Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), kapasiti penggunaan tangki simpanan minyak di kilang sawit masih di tahap biasa dan tidak kritikal seperti yang digembarakan.

"Di Sabah, penggunaan kapasiti tangki simpanan masih di tahap 45 peratus daripada jumlah 1.8 juta tan kapasiti yang diluluskan.

"Kapasiti tangki simpanan di



Tan Sri Bernard Dompok **mempengerusikan majlis dialog bersama peserta industri sawit Sabah**. Turut kelihatan, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kanan), Timbalan Ketua Setiausaha, MPIC, M Nagarajan (kiri) dan Ketua Pejabat Wilayah Sabah, Zainal Shafei (kanan).

Semenanjung berjumlah 5.88 juta tan juga didapati penggunaannya hanya 43 peratus saja.

"Kilang tidak mempunyai masalah untuk menyimpan MSM yang dihasilkan kerana tangki simpanan masih mempunyai ruang yang banyak.

"Jadi isu kilang tidak membeli dan memproses BTS dari penanam sawit kerana tangki simpanan minyak sawit penuh ada-

lah tidak benar sama sekali," katanya.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, harga MSM mengalami kemerosotan sejak minggu ke empat bulan September 2012. Purata harga MSM di Sabah pada bulan September 2012 adalah RM2,690 satu tan, bulan Oktober RM2,250 dan bulan November RM2,188.

"Harga MSM pada 12 Disember 2012 adalah RM2,000 satu

tan," katanya.

Susulan penurunan harga MSM itu, harga BTS juga turut mengalami penurunan. Di Sabah, harga BTS bulan September 2012 adalah RM519 satu tan, bulan Oktober RM410 dan November RM393. Harga BTS pada 12 Disember 2012 adalah RM390 satu tan.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, kita memandang serius perkara ini dan bagi memudahkan penjualan BTS, MPIC dengan kerjasama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah pun mengujudkan talian hotline bagi penanam sawit mendapatkan maklumat kilang pembeli BTS.

Talian hotline mengikut kawasan adalah seperti berikut:

- Kota Kinabalu - 088-493700
- Sandakan - 089-224248
- Tawau - 089-777611
- Lahad Datu - 089-867545

Penanam sawit disarankan menghubungi talian tersebut sekiranya menghadapi masalah penjualan BTS. Pada masa yang sama MPIC dan MPOB akan terus memantau dan mengambil tinda-

kan susulan bagi memudahkan urusan.

Beliau berkata, penurunan harga komoditi itu berpunca dari permintaan yang lembap di pasaran eksport utama seperti China, Kesatuan Eropah, India dan Amerika Syarikat.

"Ini susulan pertumbuhan ekonomi yang menurun di negara berkenaan akibat krisis kewangan yang secara langsung menjejaskan permintaan MSM," katanya.

Bagi meningkatkan daya saing MSM Malaysia, Kerajaan bersetuju mengurangkan duti eksport MSM di antara 4.5 hingga 8.5 peratus dan mengangut pemberian kuota MSM tanpa duti mulai 1 Januari 2013.

"Selain itu, bagi mengurangkan stok domestik MSM, Kerajaan juga bersetuju mempercepatkan pelaksanaan Program B5 (adunan 5 peratus ester metil sawit dengan diesel) dan menggalakkan penggunaan bio bahanapi berasaskan sawit sehingga 10 peratus di lain-lain sektor," katanya.

Tahun 2012 merupakan tahun yang tidak setanding tahun sebelumnya bagi industri sawit negara, lebih-lebih lagi dengan pemergian seorang ikon industri sawit iaitu mendiang Tun Dr Lim Keng Yaik, mantan Menteri Perusahaan Utama yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan industri sawit negara. Bagi pihak MPOB dan industri sawit negara, saya merakamkan ucapan takziah kepada isteri dan keluarga mendiang Tun Dr Lim.

Walaupun perangkaan prestasi industri sawit negara untuk tahun 2012 belum diumumkan lagi, berdasarkan statistik sehingga kini, kita telah boleh menjangkakan bahawa prestasi tahun 2012 adalah tidak begitu baik berbanding dengan tahun 2011. Sebagai contoh, jumlah pendapatan eksport produk-produk sawit sehingga bulan November 2012 adalah RM65.89 bilion berbanding dengan RM 73.71 bilion bagi tempoh yang sama tahun 2011.

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri sawit negara pada tahun 2012 termasuklah isu-isu mengenai kemampunan dan pemakanan. Ini termasuk isu pelabelan minyak sawit di Australia dan Perancis, perundangan mengenai biobahan api di Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah, piawaian CODEX mengenai lemak tepu dan piawaian baru AOSIQ di Negara China mengenai kualiti minyak sayuran mulai Januari 2013.

Isu stok tinggi dan kejatuhan harga minyak sawit mungkin merupakan isu terbesar yang dihadapi pada tahun 2012. Tahun 2013 akan terus dipenuhi dengan cabaran yang perlu ditangani bagi menjamin kesejahteraan industri sawit negara. Banyak usaha telah dirangka dan dilaksanakan bagi mengukuhkan harga minyak sawit. Ini termasuk penanaman semula pokok sawit yang tua dan tidak produktif, mempercepatkan pelaksanaan Program B5 iaitu penggunaan adunan lima peratus biobahan api sawit dengan 95% diesel petroleum di seluruh Semenanjung Malaysia, serta pelaksanaan B10, dan pelaksanaan struktur duti eksport baru mulai Januari 2013 yang dijangka dapat memperkukuhkan daya saing aktiviti-aktiviti hiliran.

Pada masa yang sama, usaha-usaha di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) diteruskan untuk meningkatkan produktiviti dan tambah nilai. Usaha tanam semula dan tanaman baru sawit akan dipergiatkan dan pelaburan dalam industri hiliran oleokimia serta makanan dan kesihatan ditingkatkan.

Selain daripada usaha menghadapi cabaran tertentu, MPOB juga melaksanakan strategi penyelidikan dan pembangunan terutamanya untuk meningkatkan produktiviti dan pengetahuan mengenai penanaman sawit di tanah gambut; dan menangani isu-isu berkenaan makhluk perosak dan penyakit, automasi dan mekanisasi untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh, kemampunan, penggunaan biojisim, tenaga yang boleh diperbaharui, pemakanan minyak sawit dan produk hiliran. Kemajuan dalam bidang-bidang penyelidikan ini akan dibincangkan di MPOB International Palm Oil Congress (PIPOC) 2013 yang akan diadakan pada bulan November tahun ini. Adalah dijangka lebih 2,000 peserta dari dalam dan luar negara akan menyertai Kongres Antarabangsa anjuran MPOB ini. MPOB juga akan terus berusaha memberi khidmat nasihat kepada pekebun-pekebun kecil.

Bagi prospek industri sawit, Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2013 akan diadakan pada 14 Januari 2013 di Double Tree by Hilton Kuala Lumpur. Seminar ini menyediakan platform bagi industri sawit mendapatkan maklumat terkini mengenai prospek tahun 2013.

MPOB dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan memastikan bahawa semua langkah dan usaha dilaksanakan bersama pihak industri sawit bagi mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi agar industri sawit negara terus maju ke hadapan. Ini adalah kerana industri sawit merupakan salah satu tonggak utama ekonomi negara dan seterusnya dapat menyumbang kepada pencapaian hasrat negara untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. **Selamat Tahun Baru 2013.**



**MINDA**  
Datuk Dr Choo Yuen May

Ketua Pengarah  
MPOB

# Eksport produk komoditi 2020 diunjur RM242.6b

» *Peningkatan pendapatan konsisten setiap tahun*

Oleh **Che Johari Mamat**  
mjohari@mpob.gov.my

## » PENAMPANG

**M**enjelang tahun 2020, negara dijangka berupaya menjana pendapatan eksport produk berasaskan komoditi sebanyak RM242.6 bilion.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata jangkakan itu berdasarkan kepada peningkatan pendapatan dalam sektor komoditi yang konsisten pada setiap tahun dan ia adalah antara tonggak utama ekonomi negara.

Komoditi utama yang dimaksudkan adalah minyak sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, kenaf dan sagu yang kesemuanya adalah di bawah urusan dan kawalan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

Menurutnya, bagi meningkat daya saing minyak sawit Malaysia, Kerajaan bersetuju mengurangkan duti eksport minyak sawit mentah (MSM) di antara 4.5 hingga 8.5 peratus dan mengantung pemberian kuota MSM tanpa duti mulai 1 Januari 2013.

“Kerajaan juga bersetuju mempercepatkan pelaksanaan Program B5 (adunan 5 peratus ester metil sawit dengan diesel) dan menggalakkan penggunaan bio bahan api



Tan Sri Bernard Dompok (kanan) bersama Datuk Dr Choo Yuen May dan M Nagajaran melawat gerai kerjaya MPOB sempena Program Karnival Kerjaya MPIC di Penampang baru-baru ini.

berasaskan sawit sehingga 10 peratus bagi sektor yang tidak bersubsidi.

“Pelaksanaan program B10 (adunan 10 peratus ester metil dengan 90 peratus minyak diesel) akan bermula tahun 2013 turut dijangka membantu meningkatkan penggunaan MSM sehingga satu juta tan setiap tahun.

“Langkah yang diambil Kerajaan ini juga sebagai antara usaha menangani isu kedudukan stok simpanan minyak sawit yang melebihi paras normal.

“Kedudukan stok yang tinggi dan ditambah dengan musim pengeluaran yang tinggi memberi tekanan terhadap paras harga MSM,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan program Karnival Kerjaya anjuran MPIC sempena Program Hello Komoditi, di sini, baru-baru ini.

“Menerusi program B10, Kerajaan berusaha menyeimbangkan penggunaan minyak sawit dengan permintaan bekalan.

“Dengan langkah ini, kita juga

dapat memperoleh harga yang baik kerana apabila penggunaan dan permintaan dapat diseimbangkan, ia berupaya merangsang dan meningkatkan harga minyak sawit.

“Penurunan harga MSM sejak belakangan ini berpunca dari permintaan yang lembap di pasaran eksport utama seperti China, Kesatuan Eropah, India dan Amerika Syarikat,” katanya.

Selain itu jelasnya, Kerajaan juga bersetuju menggunakan minyak sawit sebagai bahan bakar untuk penjanaan elektrik terutama di Sabah.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) boleh menggunakan biodiesel sawit bagi menjana tenaga elektrik untuk keperluan di negeri ini.

Karnival Kerjaya berkenaan disertai kira-kira 600 peserta yang kebanyakannya belia lepasan sekolah dan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan juga pelajar sekolah menengah.

Turut hadir, Pembantu Menteri Kewangan, Datuk Donald Peter Mojuntin dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

## MPOB dan YSD bincang pemuliharaan

Oleh **Nik Aznizan Nik Ibrahim**  
aznizan@mpob.gov.my

**KUALA LUMPUR:** Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama Yayasan Sime Darby (YSD) menganjurkan perbincangan meja bulat mengenai pemuliharaan pada 23 November lalu di Pusat Konvensyen Sime Darby.

Mesyuarat ini menghimpunkan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerus Kemampunan syarikat peladangan sawit dari seluruh Malaysia.

Tujuan utama perbincangan meja bulat itu diadakan adalah untuk berkongsi maklumat terkini mengenai usaha pemuliharaan yang dijalankan dan berkongsi strategi yang sama di dalam menangani ancaman daripada badan bukan kerajaan (NGO) dan pemuliharaan pasaran.

Pembentang utama pada mesyuarat itu adalah Naib Pengerusi United Plantations Berhad, Datuk Carl Bek-



Tan Sri Shahrir Abdul Samad mempengerusikan perbincangan meja bulat mengenai pemuliharaan. Turut kelihatan Pengerusi YSD, Tun Musa Hitam (kiri) dan Datuk Dr Choo Yuen May (kanan).

Nielsen; Pengarah Program SEA Asia, Dr Carl Traeholt; Pengarah Jabatan Hidupan Liar Sabah, Datuk Dr Laurentius Ambu dan Pengerusi Eksekutif Yayasan Konservasi Khatulistiwa Indonesia, Rob Stuebing.

Perbincangan dipengerusikan Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad dan beliau turut memben-

tanangkan kertas kerja bertajuk “Minyak Sawit: Pertempuran Lama, Cabaran Baru”.

Sebelum itu, Pengerusi YSD, Tun Musa Hitam menyampaikan ucapan aluan dan berkongsi maklumat dengan peserta mengenai inisiatif yang dijalankan YSD dalam bidang pemuliharaan.

# MPOB anjur seminar minyak sawit di Iran

»Langkah untuk tingkat hubungan, kerjasama dengan pengusaha minyak

Oleh Hisamuddin Mohd Aspar dan Mohd Fairus Mohd Hidzir  
fairus@mpob.gov.my dan hispar@mpob.gov.my

► Tehran

**M**POB dan Iranian Vegetable Oil Industry Association (IVOI) buat julang kalinya bekerjasama menganjurkan seminar MPOB-IVOI Joint Annual Seminar 2012 di sini pada 9 Disember lalu.

Seramai 200 peserta menghadiri seminar itu yang terdiri daripada ahli industri, wakil agensi Kerajaan dan ahli akademik.

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din sewaktu berucap merasmikan seminar itu berkata, Iran adalah antara negara pasaran utama minyak sawit Malaysia di rantau Asia

Barat dan menggesa supaya dipertingkatkan lagi kerjasama perdagangan antara kedua-dua negara terutama membabitkan minyak sawit dan produk berkaitan.

"Iran adalah pengimport utama minyak sawit Malaysia dan produk berkaitannya di rantau Asia Barat. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2012, jumlah import adalah sekitar 500,000 tan dan kedua-dua terbesar selepas Pakistan.

## Pasaran utama

"Dengan itu, penganjuran seminar ini tepat pada masanya bagi menggambarkan kepentingan Iran sebagai antara pengimport dan pasaran utama minyak sawit Malaysia," katanya.

Turut hadir pada majlis pembukaan seminar adalah Timbalan Menteri Ministry of Industry Mine and Trade, Sadeq Mofatteh; Ketua Pengarah Iran National Standard



Dr Ahmad Kushairi Din menyampaikan ucapan semasa merasmikan 'MPOB-IVOI Joint Annual Seminar 2012' anjuran bersama MPOB dan IVOI di Iran baru-baru ini.

Organization, Nezameddin Barzegari; Presiden International Sunflower Association dan Pengerusi Turkish Culinary Products and Margarine Producers Association, Metin Yurdagul.

Seminar kali pertama anjuran bersama MPOB-IVOI di Iran adalah langkah strategik MPOB untuk meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan pengusaha minyak dan lemak Iran.

Ia juga bertujuan memenuhi hasrat ahli IVOI untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam memproses dan menghasilkan produk berasaskan sawit melalui khidmat nasihat teknikal daripada MPOB.

Sebanyak 12 kertas kerja dibentangkan pada seminar itu oleh penceramah dari Malaysia, Iran, Turki dan Ukraine.

Dr Ahmad Kushairi Din turut

membentang Kertas kerja berkaitan peranan industri minyak sawit Malaysia di pasaran dunia.

Pengurus MPOB Rantau Asia Barat dan Asia Tengah, Mohd Fairus Mohd Hidzir pula membentangkan kertas kerja berkaitan penggunaan produk minyak sawit manakala pegawai Kanan Unit Pemakanan MPOB, Dr Voon Phooi Tee membentangkan kertas kerja berkaitan khasiat pemakanan minyak sawit.

Pada lawatan kerja itu, beliau mengambil peluang melawat kilang Savola Behshahr yang memproses minyak sawit diimport dari Malaysia. Kilang berkenaan adalah ahli IVOI dan merupakan pengimport serta pemproses minyak sawit terbesar di Iran dengan kadar pengeluaran melebihi 500,000 tan setahun.

## Tiga strategi perkasanya minyak sawit

► Dari muka 2

Sesi perbincangan ini turut dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

"Melawan persepsi sebagai cabaran baru ialah pembabitan secara bersemuka dengan sektor runcit makanan, zoo, komuniti dan dengan penggubal undang-undang," kata Tan Sri Shahrir.

Untuk berjaya di dalam perjuangan melawan persepsi negatif terhadap minyak sawit, beliau menggariskan tiga strategi utama iaitu menjadikan minyak sawit sebagai 'minyak baik', merialisasikan pemuliharaan sebagai satu aktiviti NKEA dan mengangkat Sabah sebagai wadah pemuliharaan.

"Kita boleh menjadikan minyak sawit sebagai 'minyak baik', mesra alam dan mesra hidupan liar dengan menjadikan Sabah sebagai model keseimbangan antara pembangunan dan pemuliharaan.

"Pemuliharaan bukan saja dijadikan polisi di peringkat kebangsaan, malah ia seharusnya menjadi cara rakyat Malaysia menjalankan urusan perniagaan di mana saja di muka bumi ini," katanya.

Beliau mengumumkan bahawa satu unit baru dinamakan Unit Kemampanan, Pemuliharaan dan Persijilan diwujudkan di MPOB di bawah Ketua Pengarah.

# Seminar perosak, penyakit sawit IOPRI-MPOB tingkat kesedaran

Oleh Nur Rasheda Ramli  
shyeda@mpob.gov.my

**Bandung:** Seminar antarabangsa anjuran bersama Pusat Penelitian Kelapa Sawit Indonesia (IOPRI) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) kali Ke-4 di Bandung, Indonesia pada 13 hingga 14 Disember lalu berjaya meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya pengurusan kawalan perosak dan penyakit sawit.

Seminar IOPRI-MPOB ke-4 ini bertemakan 'Existing and Emerging Pests and Diseases of Oil Palm: Advances in Research and Management' dihadiri 413 peserta terdiri daripada penyelidik, pensyarah universiti, pegawai Kerajaan dan pemain industri sawit daripada enam negara iaitu Perancis, Colombia, Cameroon, Papua New Guinea, Malaysia dan Indonesia.

## Kerjasama dua hala

Seminar diadakan hasil kerjasama dua hala Malaysia dan Indonesia di bawah Sub Working Group on Palm Oil (SWGPO) itu bertujuan meningkatkan kesedaran peserta dan pada masa sama

membentangkan status dan perkembangan penyelidikan mengenai pengurusan kawalan perosak dan penyakit sawit.

Perasmian seminar disempurnakan Pengarah IOPRI, Dr Witjaksana Darmosarkoro manakala majlis penutup dilakukan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

## Pengeluaran secara mampan

Dalam ucapannya Dr Ahmad Kushairi berharap hasil penyelidikan dibentangkan pada seminar itu dapat membantu meningkatkan pengurusan perosak dan penyakit sawit bagi memastikan pengeluaran minyak sawit secara mampan.

Pada seminar itu, 12 kertas kerja dibentangkan meliputi penyakit Ganoderma, layu vaskular dan reput tunas (bud rot). Perosak sawit pula meliputi kumbang badak (Oryctes), anai-anai, ulat tandan (Tirathaba), ulat bungkus, babi hutan, landak dan tikus.

Penyakit Reput Pangkal Batang (RPB) yang disebabkan kulat Ganoderma menyerang tanaman sawit di Asia Tenggara, terutama di Malaysia dan Indonesia. Pe-



Dr Ahmad Kushairi Din (dua dari kanan) bersama Jawatankuasa Penganjur Seminar Antarabangsa IOPRI-MPOB Ke-4 di Bandung, Indonesia baru-baru ini. (Dari kiri) Dr Norman kamarudin, Dr Witjaksana Darmosarkoro dan Dr A. Razak Purba.

nyakit ini dilaporkan mengakibatkan penurunan 26 peratus hingga 46 peratus hasil buah tandan segar.

Antara kaedah kawalan penyakit ini adalah melalui penggunaan ejen kawalan biologi seperti Trichoderma, Mycorrhiza, kulat endofitik, bakteria endofitik dan aktinomiset. Kajian menunjuk-

kan penyakit Ganoderma berjaya dikawal melalui penggunaan bio-baja GanoEF yang dibangunkan melalui penggunaan ejen biologi itu.

Penyakit sawit lain seperti layu vaskular yang disebabkan kulat Fusarium oxysporum f. sp. elaeidis (Foe) adalah ancaman utama sawit di Afrika. Reput tunas (bud

rot) adalah penyakit sawit utama di Amerika Latin. Pitoplasma juga adalah patogen kepada penyakit sawit.

## Sistem pemantauan

Seminar juga membincangkan mencadangkan pembangunan sistem pemantauan dan pengurusan perosak bersepadu bagi mengawal populasi perosak seperti Oryctes, ulat bungkus, ulat tandan, kumbang, anai-anai, babi hutan, landak dan tikus.

Antaranya, kaedah kawalan biologi melalui penggunaan burung hantu untuk mengawal populasi tikus di ladang sawit. Kawalan mekanikal seperti perangkap dan pemburuan adalah paling berkesan.

Seminar turut membincangkan penyakit dan perosak tanaman kelapa yang berpotensi untuk menjangkiti sawit seperti kumbang palma merah (red palm weevil), hispid, hama (mite), reput tunas (bud rot), cadang-cadang dan gelang merah (red ring).

Seminar itu turut disertai 31 pembentangan poster dan 22 syarikat yang mempamerkan produk keluaran berkaitan kawalan perosak dan penyakit.

# Kehilangan tokoh dalam industri sawit

## » Tun Dr Lim Keng Yaik beri sumbangan besar sektor komoditi perladangan

**T**un Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik, mantan Menteri Perusahaan Utama yang meninggal dunia pada Sabtu, 22 Disember lalu bukan sahaja tokoh politik tanah air terbilang tetapi juga adalah tokoh penting yang telah memberi sumbangan besar kepada kemajuan sektor komoditi perladangan negara.

Sebagai Menteri Perusahaan Utama daripada 1986 hingga 2004, mendiang merupakan tokoh yang telah berperanan mencorakkan perkembangan sektor komoditi perladangan utama yang terdiri daripada kelapa sawit, getah, koko dan kayu kayan. Dalam era pentadbiran beliau,

sektor komoditi khususnya kelapa sawit telah berkembang dengan pesat sebagai sektor perladangan utama negara yang menjana pendapatan dan pembangunan ekonomi negara.

Pada tahun 2000, kawasan penanaman sawit telah meningkat kepada 3.4 juta hektar manakala pengeluaran minyak sawit mentah mencecah 10.84 juta tan yang mencatatkan peningkatan yang ketara berbanding pada tahun 1970-an. Perkembangan dinamik industri sawit dari sektor hulu kepada kemajuan sektor hiliran adalah hasil perancangan strategik bagi peningkatan produktiviti dan kualiti pengeluaran minyak sawit, mempelbagai kegunaan produk sawit dan pengeluaran produk tambah nilai yang memberi impak peningkatan pendapatan kepada pengusaha dalam industri sawit.

Pelaksanaan dasar yang strategik dan usaha penguatkuasaan pasaran minyak sawit semasa era pentadbiran beliau telah memperluaskan pasaran minyak sawit Malaysia di luar negara. Perlu-

san pasaran eksport minyak sawit dan kestabilan harga telah memberi peningkatan pendapatan dan kesejahteraan ekonomi penduduk luar bandar yang mengusahakan tanaman sawit.

Semasa negara dilanda krisis ekonomi pada 1997/ 1998 yang telah memberi kesan kepada sektor ekonomi utama negara, industri sawit telah mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dengan menyumbang pendapatan eksport tertinggi. Industri sawit telah menjadi penyelamat ekonomi negara sewaktu krisis kewangan serantau dan kembalisan ekonomi dunia.

### Kemajuan penyelidikan

Mendiang Tun Dr Lim Keng Yaik semasa kepimpinannya memberi perhatian penting kepada bidang penyelidikan bagi penghasilan teknologi dan inovasi baru dalam industri sawit. Selain penyelidikan di sektor hulu bagi kecukupan amalan agronomi sawit bagi peningkatan produktiviti ladang, penyelidikan juga ditumpukan kepada kegunaan minyak

sawit dalam bidang makanan dan bukan makanan termasuk kegunaan sebagai sumber bahan api bio. Penyelidikan penggunaan minyak sawit sebagai bahan api yang telah dimulakan pada tahun 1980an telah menyediakan landasan ke arah pelaksanaan Industri Bio Bahan Api yang dilancarkan pada tahun 2006.

Penyelidikan bio bahan api berasas sawit yang bermula dengan penggunaan minyak sawit mentah sebagai bahan bakar diikuti dengan adunan diesel petroleum dan penghasilan metil ester (bio-diesel sawit). Penyelidikan bio-diesel telah membawa kepada pembinaan loji rintis biodiesel dan seterusnya pembinaan kilang biodiesel yang dibangunkan hasil teknologi penyelidik MPOB. Kemajuan industri bio bahan api telah membawa kepada pelaksanaan penggunaan B5 iaitu adunan bahan api bio berasas sawit dan petroleum diesel di Wilayah Tengah meliputi negeri Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Melaka dan Negeri Sembilan.

Kejayaan penggunaan secara percubaan minyak sawit sebagai bahan api sejak 1980an memberi keyakinan kepada mendiang Tun Dr Lim Keng Yaik untuk melaksanakan penggunaan adunan minyak sawit dengan Medium Fuel Oil (MFO) untuk Stesen Jana Elektrik Prai semasa harga minyak sawit di bawah paras RM1,000 pada 2001. Penggunaan adunan minyak sawit dengan bahan api petroleum serta langkah-langkah pengurangan stok minyak sawit telah memberi tindak balas segera di pasaran yang mendorong pemulihan harga minyak sawit dalam tempoh yang singkat.

### Perkenalkan SITS

Bagi mengurangkan pengeluaran dan stok minyak sawit sebagai strategi penstabilan harga sawit di pasaran dan galakan penanaman semula sawit dengan benih bermutu, beliau telah memperkenalkan Skim Insentif Tanam Semula Sawit pada tahun 2001 sehingga 2004. SITS menyediakan kepada pengusaha ladang dan pekebun kecil menebang pokok sawit berumur 25 tahun ke atas.

Mendiang Tun Dato' Seri Dr Lim juga memperkenalkan Visi 35:25 iaitu pengeluaran 35 tan buah tandan segar sehektar dan pencapaian 25 peratus kadar perahan minyak. Visi peningkatan produktiviti industri sawit adalah berdasarkan potensi produktiviti tinggi pokok sawit dan penghasilan bahan tanaman berkualiti tinggi yang mampu menghasilkan pengeluaran buah tandan segar melebihi 35 tan sehektar setahun.

Pada era beliau juga, Skim Subsidi Minyak Masak 'Cooking Oil Price Stabilisation Scheme' (COSS) telah dilaksanakan yang menetapkan harga siling minyak masak sawit bagi pasaran tempatan

melalui mekanisme bayaran subsidi kepada pengilang sawit. Pelaksanaan subsidi minyak masak bertujuan mengawal kenaikan harga minyak masak di pasaran tempatan kesan kenaikan harga minyak sawit di pasaran dunia.

Di peringkat antarabangsa, antara strategi yang dilaksanakan bagi memperluaskan pasaran eksport minyak sawit Malaysia ialah pelaksanaan POCPA 'Palm Oil Credit Payment Arrangement' bagi menggalakkan perdagangan minyak sawit dengan negara sedang membangun. Pelaksanaan skim kredit minyak sawit telah berjaya memperluaskan pasaran minyak sawit Malaysia dan membantu negara yang kurang kemampuan kewangan menggunakan minyak sawit yang berkhasiat untuk kesihatan manusia.

### Sistem 'barter trade'

Beliau juga memperkenalkan sistem 'barter trade' atau pertukaran barangan dan perkhidmatan yang dilaksanakan antara Malaysia dengan beberapa negara termasuk India yang melibatkan pertukaran minyak sawit dengan perkhidmatan pembinaan landasan kereta api berkembar.

Pada era 1980an, industri sawit Malaysia berdepan dengan kempen anti minyak sawit yang dilancarkan oleh Persatuan Kacang Soya Amerika Syarikat dan media Barat. Mendiang bersama pemain utama dalam industri sawit telah mengetuai delegasi teknikal ke luar negara bagi menangkis tohmohan negatif pihak luar terhadap minyak sawit yang dikaitkan dengan kesihatan manusia. Dengan latarbelakang pendidikan dalam bidang perubatan dan fakta-fakta saintifik mengenai khasiat pemakanan minyak sawit hasil penyelidik tempatan dan luar negara, beliau telah berjaya berdepan dengan pihak luar yang mendakwa minyak sawit memudaratkan kesihatan.

Kepimpinan mendiang Tun Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik selama 18 tahun sebagai Menteri Perusahaan Utama telah mengerakkan pertumbuhan sektor komoditi perladangan khususnya industri sawit yang kini sedang melalui fasa baru transformasi ekonomi di bawah kepimpinan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi untuk lonjakan sektor minyak sawit sebagai penjana ekonomi bagi merealisasikan pencapaian matlamat negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Dengan penglibatan beliau dalam Kabinet dan sumbangannya kepada negara termasuk kemajuan sektor komoditi perladangan serta bidang lain yang diceburi oleh mendiang, kerajaan telah memberi penghormatan negara kepada tokoh yang sukar dicari ganti.

Mohd Saufi Awang  
saufti@mpob.gov.my



## Ucapan Takziah

Daripada

Pengurusan dan kakitangan MPOB

kepada

Y Bhg Toh Puan Datin Seri Wong Yoon Chuan dan Keluarga

Di atas Pemergian

Tun Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik  
(Bekas Menteri Perusahaan Utama)

1986 - 2004



# 25 penggiat industri sawit terima anugerah

» Pengiktirafan kerajaan kepada sektor hulu dan hiliran industri sawit

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

PUTRAJAYA

Sebanyak 25 penggiat merangkumi sektor hulu dan hiliran industri sawit menerima anugerah kerana pencapaian dan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2011 sempena Majlis Makan Malam dan Anugerah Industri Sawit Malaysia 2011/2012 Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

Anugerah Industri Sawit Malaysia adalah acara tahunan MPOB bagi memberi pengiktirafan kepada mereka yang memberi sumbangan cemerlang kepada peningkatan pencapaian industri sawit sepanjang tahun 2011.

Anugerah disampaikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok. Turut hadir Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad dan isteri serta Ketua Pengerah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Sewaktu berucap pada majlis itu, Tan Sri Bernard Dompok berkata, Anugerah Industri Sawit Malaysia adalah pengiktirafan Kerajaan kepada kecemerlangan pencapaian industri sawit yang menyumbang kepada peningkatan produktiviti minyak sawit dan sekali gus menjana peningkatan pendapatan kepada negara.

Pada tahun 2011, Malaysia mengeksport 24.3 juta tan minyak sawit dan produk berkaitan yang menjana pendapatan berjumlah RM83.4 bilion, peningkatan 34 peratus berbanding RM62.2 bilion pada 2010.

Katanya, anugerah itu mula diperkenalkan pada 1995 sebagai pengiktirafan kepada kilang sawit yang cemerlang dalam pencapaian Kadar Perahan Minyak (OER) dan kini diperluaskan merangkumi sektor pekebun kecil, ladang, peniaga, pelumat isirung, pelumat dan oleokimia.

Lebih 700 tetamu hadir pada majlis itu termasuk kakitangan MPOB dan jemputan dari industri sawit seluruh negara.

Penerima Anugerah Industri Sawit Malaysia 2011/12 adalah:



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan anugerah kepada Pengurus Kilang Kelapa Sawit Jengka 21, Maran, Pahang Mohd Noor Latif.

## KATEGORI KILANG SAWIT

### Pencapaian OER Tertinggi (Bekalan BTS Sendiri) (Semenanjung)

**Pemenang:** Kilang Kelapa Sawit Jengka 21, Maran, Pahang

#### Ciri-ciri Kebaikan

- Memproses buah tandan segar (BTS) dari bahan tanaman yang berkualiti.
- Mengamalkan penggredan BTS 100 peratus.
- Penerimaan buah relai melebihi 5 peratus.
- Mengamalkan polisi buah muda tidak dihantar balik tetapi ditanam.
- Tahap kehilangan minyak adalah

## KATEGORI KILANG SAWIT

### Pencapaian OER Tertinggi (Bekalan BTS Sendiri) (Sabah/Sarawak)

**Pemenang:** Pemenang: Kilang Sawit Belaga, Kapit, Sarawak

#### Ciri-ciri Kebaikan

- Memproses buah tandan segar (BTS) dari jenis klon yang berkualiti.
- Menerima buah relai melebihi 10 peratus.
- Mengamalkan pemberian insentif kepada pembekal yang menghantar buah relai dalam 20 kg beg.
- Mengamalkan pemberian hadiah berupa sijil dan makanan kepada penuai buah yang terbaik pada tahun berkenaan.
- Mengamalkan penggredan BTS 100% dan menghantar balik buah muda.
- Tahap kehilangan minyak adalah minima (<1.6%).
- Mempunyai sistem de-oiling dan USB recovery bagi peningkatan kadar OER.
- Mematuhi peraturan MPOB dan Jabatan Alam Sekitar.
- Mengamalkan kebersihan dan tahap pengilangan yang baik (GMP).
- Mempunyai sijil HACCP MS 1480: 2007 yang dianugerahkan pada tahun 2011.

- minimum (<1.6 peratus).
- Mematuhi peraturan-peraturan MPOB dan Jabatan Alam Sekitar.
- Mengamalkan kebersihan tahap pengilangan yang baik (GMP).
- Penggunaan teknologi baru seperti Continuous Strelization yang dapat mengurangkan kerosakan BTS.
- Mempunyai system de-oiling dan USB recovery serta EFB Treatment Plant Oil Recovery bagi peningkatan OER.
- Menempatkan lima orang grader bagi meningkatkan kecekapan aktiviti penggredan dan meningkatkan OER.



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan anugerah kepada Pengurus Kilang Sawit Belaga, Kapit, Sarawak, Kong Chee Kiat.

- Menyediakan kemudahan asas seperti rumah, elektrik dan air secara percuma kepada pekerja.
- Pemenang Anugerah Khas Industri Sawit Perahan Minyak (OER) bekalan

## KATEGORI KILANG SAWIT

### Pencapaian OER Tertinggi (Bekalan BTS Luar) (Semenanjung)

**Pemenang:** Tian Siang Oil Mill (Pahang) Sdn Bhd, Raub, Pahang

#### Ciri-ciri Kebaikan

- Memproses buah tandan segar (BTS) 100 peratus dari bekalan luar dari klon yang berkualiti.
- Menerima buah relai melebihi 5 peratus.
- Mengamalkan penggredan BTS 100 peratus oleh tiga orang grader.
- Tidak menerima buah muda dan akan ditahan dan dilupus sekiranya dihantar kali kedua.
- Menerima pegawai NKEA MPOB untuk membantu meningkatkan kadar OER.
- Tahap kehilangan minyak adalah minimum (<1.5 peratus).
- Mematuhi peraturan-peraturan MPOB dan Jabatan Alam Sekitar.
- Mengamalkan kebersihan dan mempunyai tahap dan amalan pengilangan yang baik (GMP).
- Mempunyai sistem de-oiling dan EFB Oil Recovery Plant bagi



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan anugerah kepada Pengurus Tian Siang Oil Mill (Pahang) Sdn Bhd, Raub, Tan Chong Ham.

- peningkatan OER.
- Menyediakan kemudahan asas seperti rumah, elektrik dan air secara percuma kepada pekerja.



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan anugerah kepada Pengurus Tamaco Oil Mill 2 Lahad Datu, Sabah, Nickalls Chin.

## KATEGORI KILANG SAWIT

### Pencapaian OER Tertinggi (Bekalan BTS Luar) (Sabah/Sarawak)

**Pemenang:** Tamaco Oil Mill 2 Lahad Datu, Sabah

#### Ciri-ciri Kebaikan

- Memproses buah tandan segar (BTS) dari klon yang berkualiti.
- Menerima buah relai lebih 10 peratus.
- Mengamalkan ketegasan di dalam penggredan BTS 100 peratus dan menghantar balik buah muda.
- Mempunyai empat orang grader yang berkelayakan di samping seorang pembantu bagi meningkatkan kecekapan aktiviti penggredan.
- Seorang pegawai NKEA MPOB ditempatkan di kilang ini untuk membantu peningkatan OER.
- Tahap kehilangan minyak bawah 1 peratus.
- Mematuhi peraturan MPOB dan Jabatan Alam Sekitar.
- Mengamalkan kebersihan dan tahap pengilangan yang sangat baik (GMP).
- Memberi insentif menarik kepada pembekal bagi menjamin kualiti BTS.
- Mempunyai sistem USB recovery yang dapat meningkatkan OER sebanyak 0.25 peratus serta pemasangan CRT untuk mendapat balik minyak dari sludge.
- Menyediakan kemudahan asas seperti rumah, elektrik dan air percuma kepada pekerja kilang.

Dari muka 5



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan anugerah kepada Pengurus FELDA IFFCO Sdn Bhd, Klang, Selangor, Ras Manikkam.

**KATEGORI KILANG PENAPIS**

**Pemenang:** FELDA IFFCO Sdn Bhd, Klang, Selangor

**Ciri-ciri kebaikan**

- FELDA IFFCO Sdn Bhd adalah syarikat usaha sama antara FELDA Global Ventures Downstream Sdn Bhd dan IFFCO Holdings Limited
- Mengeluarkan produk berasaskan sawit untuk pasaran domestik dan antarabangsa yang berkualiti tinggi dan selamat untuk kegunaan makanan.
- Mempunyai kelengkapan moden yang sentiasa diselenggara dengan baik



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan anugerah kepada Pengurus IOI Edible Oils Sdn Bhd, Sabah, Choo Jun Ket

**KATEGORI KILANG PELUMAT ISIRUNG (Bekalan Isirung Luar)**

**Pemenang:** Bintulu Edible Oils Sdn Bhd, Sarawak

**Ciri-ciri kebaikan:**

- Kapasiti pemprosesan isirung yang tinggi iaitu melebihi 360,000 tan setahun.
- Menghasilkan minyak dan dedak isirung sawit yang berkualiti tinggi.
- Mempunyai persekitaran kilang atau landskap yang cantik dan bersih.
- Menitikberatkan aspek keselamatan semasa kerja-kerja persepelan isirung sawit.
- Reka bentuk di dalam kilang yang baik bagi menempatkan mesin dengan teratur dan selamat.
- Makmal analisa yang lengkap, kakitangan makmal yang mahir dan pengendalian data analisa yang teratur dan mudah untuk disemak.
- Mendapat pengiktirafan dalam GMP, COP, HACCP, ISO, OHSAS (18008:8007), Halal Certificate dan Kosher Certificate.

**KATEGORI KILANG PELUMAT ISIRUNG (Bekalan Isirung Sendiri)**

**Pemenang:** IOI Edible Oils Sdn Bhd, Sabah

**Ciri-ciri kebaikan**

- Kapasiti pemprosesan isirung yang tinggi iaitu melebihi 300,000 tan setahun.
- Menghasilkan minyak dan dedak isirung sawit yang berkualiti tinggi.
- Mempunyai persekitaran kilang atau landskap yang cantik dan bersih.
- Menitikberatkan aspek keselamatan semasa kerja persepelan isirung sawit.
- Reka bentuk dalam kilang yang baik bagi menempatkan mesin dengan teratur dan selamat.
- Makmal analisa yang lengkap, kakitangan makmal mahir dan pengendalian data analisa teratur dan mudah untuk disemak.
- Mendapat pengiktirafan dalam GMP, COP, HACCP, ISO, OHSAS (18008:8007), Halal Certificate dan Kosher Certificate.



Tan Sri Bernard Dompok, Tan Sri Shahrir Abdul Samad serta Datuk Dr Choo Yuen May bersama penerima Anugerah Industri Sawit 2011/12.



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan anugerah kepada Pengurus IOI Oleochemical Industries Berhad, Seberang Prai, Pulau Pinang, Lu Khai Ing.

**KATEGORI KILANG OLEOKIMIA**

**Pemenang:** IOI Oleochemical Industries Berhad, Seberang Prai, Pulau Pinang

**Ciri-ciri Kebaikan:**

- Pengeluar utama lemak asid, gliserin dan sabun yang terkemuka di dunia.
- Amat menitikberatkan penambahbaikan proses kilang dengan menggalakkan semua kakitangan terbabit secara langsung dalam program yang dirancang dan disertai dengan pengiktirafan dan hadiah kepada kakitangan yang berjaya.
- Pembangunan sumber manusia amat ditekankan melalui pelaksanaan program seperti pemantapan kepimpinan, pemikiran

- positif, teknik penyelesaian masalah, interaksi dan komunikasi serta kemajuan kilang secara berterusan.
- Kilang telah Berjaya mencapai status Pensijilan ISO 9001:2008 bermula pada 1995 dan menaik taraf pensijilan dengan IQNet ISO 9001:2008 pada 2009. Pensijilan ISO yang lain adalah IQNet ISO 14001:2004 pada 2009, ISO/IEC 17205: 2005 pada 2010, ISO 22000 pada 2011, RSPO Supply Chain Certification Systems (SCCS) pada 2012 dan lain-lain lagi.
- Pemenang Pingat Emas dua bintang bagi kategori sektor pembuatan yang dianjurkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 2009, Anugerah Industri Komoditi 2007 dan Anugerah Industri Sawit Malaysia 2006 dan 2010.



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan anugerah kepada Pengurus Bintulu Edible Oils Sdn Bhd, Sarawak, Tan Kean Hua.



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan anugerah kepada Pengurus Ladang Kekayaan Paloh, Johor, Teh Sar Moh Nee.

**KATEGORI LADANG (Melebihi 4,000 hektar di Semenanjung)**

**Pemenang:** Ladang Kekayaan Paloh, Johor

**Ciri-ciri Kebaikan**

- Hasil BTS/ hektar pada tahun 2011 melebihi 27 tan, Site Yield Potential' 30 tan. OER yang diperolehi ialah 22 peratus.
- Pembajaan purata 8kg / pokok / tahun.
- Menggunakan kerbau sebagai medium

- mekanisasi jentera bagi aktiviti di ladang dan sistem penuaian CIR2.
- BTS yang dituai akan dihantar ke kilang buah dalam masa 24 jam kerana mempunyai kilang buah berdekatan estet.
- Pusingan penuaian adalah dua setengah kali sebulan.
- Mendapat CSR yang baik.
- Mengamalkan amalan pertanian yang baik (GAP) dan Codes of Practice.
- Menyediakan kemudahan asas untuk pekerja seperti rumah, elektrik dan air.

**KATEGORI LADANG (Melebihi 4,000 hektar) (Sabah)**

**Pemenang:** Sime Darby Plantation (Sabah) Sdn Bhd, Tawau, Sabah

**Ciri-ciri Kebaikan**

- Hasil BTS/ hektar pada tahun 2011 melebihi 28 tan. 'Site Yield Potential' antara 30-35 tan. OER yang diperolehi melebihi 22 peratus.
- Pembajaan menggunakan baja tunggal dengan purata sebanyak 9-10 kg/pokok/tahun. Aplikasi tandan kosong dengan kadar 40/tan hektar turut diamalkan dengan meluas.
- Infrastruktur ladang seperti jalan, parit dan lorong tuai disediakan dan diselenggara dengan sempurna membantu pihak ladang mengeluarkan hasil BTS ke kilang dalam masa 24 jam.
- Menggunakan mekanisasi seperti jentera pengaut, traktor, vicon spreader dan lori



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan anugerah kepada Pengurus Sime Darby Plantation (Sabah) Sdn Bhd, Tawau, Nazri Aziz.



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan anugerah kepada Pengurus Ladang Kuala Suai, Miri, Sarawak, Hj Paimin Selamat.

**KATEGORI LADANG (Melebihi 4,000 hektar) (Sarawak)**

**Pemenang:** Ladang Kuala Suai, Miri, Sarawak

**Ciri-ciri Kebaikan**

- Hasil BTS/ hektar pada 2011 melebihi 28 tan. 'Site Yield Potential' adalah antara 20-25 tan. OER diperolehi sekitar 20 peratus.
- Melaksanakan amalan pengurusan terbaik (best management practices) penanaman sawit di tanah gambut khususnya.
- Sistem parit ladang yang sempurna bagi

- mengawal paras air tahap optimum.
- Memelihara tumbuhan tutup bumi asli (Nephrolepis) bagi pemeliharaan kelembapan tanah.
- Pembajaan sawit yang lengkap dan seimbang berdasarkan syor ahli agronomi.
- Penanaman tumbuhan berfaedah bagi tujuan kawalan perosak secara bersepadu.
- Amalan keselamatan di tempat kerja adalah di tahap terbaik
- Menyediakan infrastruktur yang lengkap bagi kemudahan dan keselesaan kakitangan dan pekerja ladang terutamanya rumah kediaman, bekalan air dan elektrik.

**KATEGORI LADANG (1,001-4,000 hektar) (Semenanjung)**

**Pemenang:** Kempas Estet, Jasin, Melaka

**Ciri-ciri Keselamatan**

- Hasil BTS/ hektar pada tahun 2011 ialah melebihi 30 tan. 'Site Yield Potential' 25 tan OER yang diperolehi melebihi 20 peratus.
- Pembajaan dengan purata 6 kg / pokok/ tahun
- Menggunakan mekanisasi jentera untuk penuaian dan pengangkutan buah sawit, membaja, meracun dan lain-lain aktiviti di ladang.
- BTS yang dituai akan dihantar ke kilang buah dalam masa 24 jam kerana mempunyai kilang sendiri yang berdekatan
- Mengamalkan amalan pertanian yang baik (GAP) dan 'Codes of Practice.



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan anugerah kepada Pengurus Kempas Estet, Jasin, Melaka, Md Saipullah Idris.

**KATEGORI LADANG (1,001-4,000 hektar) (Sabah)**

**Pemenang:** Pontian Subok Plantations Sdn Bhd Kinabatangan, Sabah

**Ciri-ciri Keselamatan**

- Hasil BTS/ hektar pada tahun 2011 melebihi 29 tan. Majoriti tanah jenis alluvium dengan 'Site Yield Potential' antara 30-35 tan dan OER diperolehi sekitar 20 peratus.
- Pembajaan menggunakan baja sebatian dengan purata sebanyak 10-12 kg/pokok/tahun.
- Mempunyai unit R&D untuk membantu meningkatkan kecekapan pengurusan serta membuat projek berinovasi seperti sistem pengasingan biji leri dengan kotoran secara graviti murah, praktikal dan sangat berkesan
- Melaksanakan sistem pengawalan banjir dalam ladang sawit yang mampu mengalir air banjir keluar dari ladang 5000l/saat.
- Penggunaan mekanisasi seperti jentera pengaut, traktor dan lori serta penyelenggaraan jalan ladang yang baik membantu pihak ladang mengeluarkan hasil BTS ke kilang dalam masa 24 jam.
- Mengamalkan amalan pertanian yang baik (GAP) dan ke arah persediaan RSPO.



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan anugerah kepada Pengurus Sop Plantations (Balingian) Sdn Bhd, Mukah, Sarawak, Tay Chin.

**KATEGORI LADANG (1,001-4,000 hektar) (Sarawak)**

**Pemenang:** Sop Plantations (Balingian) Sdn Bhd, Mukah, Sarawak

**Ciri-ciri Kebaikan**

- Hasil BTS/ hektar pada tahun 2011 melebihi 28 tan. 'Site Yield Potential' adalah antara 20-25 tan dan OER yang diperolehi sekitar 20 peratus.
- Kerja penuaian dan pengangkutan hasil BTS adalah 'single handling' secara 'bin system' bagi mengekalkan kualiti tandan sawit.
- Melaksanakan amalan pengurusan terbaik bagi penanaman sawit di tanah gambut khususnya pengurusan air ladang dan pemeliharaan tumbuhan tutup bumi asli (Nephrolepis).
- Pembajaan seimbang berdasarkan syor ahli agronomi berpandukan keputusan analisa nutrien daun.
- Penanaman tumbuhan berfaedah bagi mengamalkan kawasan perosak secara bersepadu.
- Amalan keselamatan di tempat kerja adalah di tahap terbaik. Kemudahan dan infrastruktur pekerja seperti ruang pejabat, rumah kediaman, tempat ibadat dan sebagainya adalah sempurna serta selesa.



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan anugerah kepada Pengurus Pontian Subok Plantations Sdn Bhd Kinabatangan, Sabah Shivalingam Subramaniam

- Melaksanakan aktiviti kemasyarakatan untuk pekerja dan kakitangan dengan disertai oleh pengerusi dan Lembaga Pengarah Syarikat.
- Menyediakan kemudahan asas untuk pekerja seperti rumah, surau, bekalan elektrik dan air.

# Ketua Pengarah MPOB terima Anugerah MSA



Datuk Dr Choo Yuen May

Oleh Dr Ravigadevi Sambanthamurthi, Dr Tan Yew Ai

raviga@mpob.gov.my, tan@mpob.gov.my

**K**etua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May telah menerima "Science and Technology (S & T) Achievement Award" daripada "Malaysian Scientific Association (MSA)" pada Malam Anugerah Sains dan Teknologi 2012 yang lalu. Anugerah telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Fadillah Yusof.

MSA mengambil inisiatif untuk menghargai kepimpinan dan sumbangan Datuk Dr. Choo

Yuen May dalam bidang penyelidikan sains dan teknologi.

Penganugerahan yang berprestij ini merupakan satu penghargaan terhadap jasa Datuk Dr. Choo Yuen May dalam bidang inovasi dan kreativiti. Pemberian anugerah ini adalah pengiktirafan kepada kesinambungan kecemerlangan beliau dalam bidang Penyelidikan & Pembangunan yang dipelopori sejak sekian lama. Datuk Dr Choo Yuen May memang dikenali di peringkat antarabangsa sebagai peneraju dalam bidang penyelidikan biodisel dari minyak sawit. Beliau juga terlibat dalam penyelidikan dan pengkomersialan minyak sawit merah Carotino, agen penyahgris berasaskan sawit InxBio

dan pelbagai produk sawit lain. Kini, Datuk Dr. Choo Yuen May berusaha gigih menyahut cabaran industri sawit global dengan menjalankan penyelidikan ke arah pembangunan teknologi pemrosesan terkini yang efisien dan mesra alam untuk kelestarian industri sawit.

"Science and Technology (S & T) Achievement Award" ini adalah salah satu daripada beberapa anugerah yang telah diterima oleh Datuk Dr. Choo Yuen May sebagai penghargaan kepada kewibawaan, kepimpinan dan inovasi beliau dalam pengkomersialan hasil penyelidikan dalam konteks pembangunan mampan negara.

# CANTAS menang Anugerah Emas TechRural 2012

Oleh Mohd Rizal Ahmad

rizal.ahmad@mpob.gov.my, Johari Jamak joja@mpob.gov.my dan Abdul Razak Jelani razak@mpob.gov.my

**Batu Pahat:** Mesin pemotong sawit bermotor (CANTAS) hasil penyelidikan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memenangi Anugerah Emas Ekspo Inovasi Desa Peringkat Kebangsaan 2012 (TechRural 2012) anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

## Pertandingan reka cipta

TechRural 2012 yang julung kali dianjurkan UTHM dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) adalah program pertandingan reka cipta yang menghimpun dan menemukan pencipta serta menyelidik bagi mempamerkan hasil reka cipta dan inovasi baru masing-masing.

Ia bukan saja medan perkongsian idea bagi penyelidik, malah platform kepada pelabur dan usahawan untuk meneroka peluang perniagaan dan pengkomersialan produk, teknologi dan penemuan baru yang dibangunkan hasil dari penyelidikan.

Melalui tema 'Green and Innovative Solutions for the Rural

Community', pertandingan reka cipta TechRural 2012 dibahagikan kepada tujuh kategori iaitu teknologi untuk pertanian dan perladangan, teknologi perubatan tradisional dan teknologi perikanan dan akuakultur.

Kategori lain adalah teknologi perhutanan, pembalakan dan perikanan, pelancongan luar bandar, penghasilan tenaga dan penghantaran kuasa, dan teknologi pemrosesan dan pembungkusan makanan.

Sejumlah 63 inovasi dan teknologi baru daripada institusi penyelidikan dan institut pengajian tinggi awam dan swasta menyertai pertandingan bagi ketujuh-tujuh kategori.

Majlis penutup dan penyampaian anugerah disempurnakan Timbalan Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Hasan Malek.

## Reka bentuk terbaru

MPOB yang mempamerkan Mesin Pemotong Sawit Bermotor (CANTAS) dengan reka bentuk terbaru memenangi anugerah emas di bawah kategori teknologi pertanian dan perladangan.

CANTAS versi terkini mengenhakkan ciri inovasi penambahbaikan kepala pemotong, gahlah dan pelaras ketinggian bagi meningkatkan kecekapan pengendalian dan memenuhi keperluan industri masa kini.



Pemenang bergambar bersama selepas upacara penyampaian anugerah reka cipta CIGIF 2012.

# Penyelidikan MPOB menang anugerah di Korea

Oleh Ng Mei Han

meihan@mpob.gov.my

**Penyelidikan** MPOB bertajuk 'Green Process for the Production of High Purity Individual Tocotrienols' memenangi pingat emas di 2012 Korea Cyber International Genius Inventor Fair (CIGIF).

Penyelidikan itu adalah hasil usaha bersama Dr Ng Mei Han, Datuk Dr Choo Yuen May dan Yahaya Hawari. Ia turut menerima anugerah khas oleh Asia Invention News.

CIGIF, pertandingan tahunan reka cipta antarabangsa bertujuan memberi penghormatan kepada kepentingan harta intelek dalam abad ke 21

serta mengglobalisasikan pereka cipta antarabangsa di dalam dunia siber digital.

Di samping itu, CIGIF juga membuka peluang kepada pereka cipta dari seluruh dunia berkomunikasi di dalam generasi sumber manusia yang baru serta memperkukuhkan penukaran maklumat dan jaringan sesama pakar penyelidik dan pereka cipta.

## Kaedah baru

Penyelidikan MPOB yang memenangi anugerah di 2012 CIGIF menggariskan kaedah baru, novel dan mesra alam untuk mengekstrak dan menghasilkan tokotrienol individu dari sumber sawit.

Kaedah ini julung kali diper-

kenalkan di dalam pemrosesan minyak sawit.

Ia membolehkan tokotrienol individu yang sebelum ini dilaporkan sebagai ejen antioksidan dan anti kanser yang berkesan dihasilkan dalam jumlah yang banyak.

Tokotrienol inidividu ini boleh digunakan di dalam industri farmaseutikal, nutraseutikal, makanan dan kosmetik.

Kaedah yang diperkenalkan ini adalah unik kerana ia satu kaedah pemrosesan hijau, mesra alam dan tidak menggunakan pelarut organik yang bertoksik.

Sejumlah 22 negara menyertai CIGIF tahun ini. Upacara penyampaian anugerah disempurnakan di Seoul, Korea pada 25 November 2012 lalu.



## PALM OIL ECONOMIC REVIEW AND OUTLOOK SEMINAR 2013

Palm Oil: Navigating Through Global Uncertainties



► **Keynote Address**  
Palm Oil - The Sustaining Force Amidst Current Global Economic Uncertainties

► **Inaugurated by**  
YB Tan Sri Bernard Dompok  
Minister of Plantation Industries and Commodities

► **14 January 2013, DoubleTree by Hilton, KL**

► **Seminar Fee**  
**RM900**

Please confirm your attendance together with payment by 8 January 2013

For Enquiries:

Eajah bin Mohd Danus (eajah@mpob.gov.my / 03-7802 2933)  
Roslan bin Abbas (roslan@mpob.gov.my / 03-7802 2877)

Organized by  
MALAYSIAN PALM OIL BOARD  
Ministry of Plantation Industries and Commodities, Malaysia  
www.mpob.gov.my



Tan Sri Bernard Dompok merasmikan Karnival Sukan MPIC 2012.



Datuk Dr Choo Yuen May bersama pemain tenis MPOB yang memenangi pingat perak Sukan MPIC 2012. Turut kelihatan Pengarah Pentadbiran dan Kewangan MPOB, Mohamad Nor Abdul Rahman (lima dari kanan).

# MPOB juara sukan MPIC 2012

» Kekal kejuaraan kali ke-4, kuasai 12 daripada 20 acara dipertandingkan

ngucap tahniah dan syabas kepada peserta dan atlet MPOB yang berjaya mempertahankan kejuaraan.

Beliau juga berbangga dengan kejayaan Kelab Sukan dan Sosial MPOB (KSSM) dan ahli jawatankuasa terbabit kerana berjaya mengelolakan karnival sukan kali ke-13 ini dengan jayanya.

**Satu pengiktirafan**

“Amanah bagi mengelolakan karnival sukan ini adalah satu pengiktirafan dan kepercayaan semua pihak di atas kemampuan, kebolehan dan pengalaman MPOB dalam mengurus serta mengendalikan satu acara yang besar seperti ini,” katanya.

**Hubungan erat**

Beliau berkata, kejayaan MPOB menganjurkan kejohanan dwi-tahunan ini juga adalah manifestasi kewujudan hubungan kerjasama yang erat dan semangat berpasukan yang jitu di antara warga Kementerian, Agensi dan Majlis.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin menyampaikan piala kepada pasukan yang menang.

Bagi kejohanan Sukan MPIC kali ke-14 yang akan berlangsung pada tahun 2014, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dipilih sebagai tuan rumah.



Kontinjen MPOB semasa upacara perasmian Karnival Sukan MPIC 2012. Turut kelihatan Dr Ahmad Kushairi Din (kanan), Ahmad Sidek Stroo (dua dari kanan) dan Dr Burhanuddin Abdul Salam (kiri).

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

**Putrajaya**

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) muncul juara Karnival Sukan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) 2012 yang berlangsung di Kampus 2, Institut Penilaian Negara (INSPEN), di sini, baru-baru ini.

Pada kejohanan sukan itu, MPOB menjuarai 12 acara daripada 20 acara sukan yang dipertandingkan dengan memungut jumlah mata tertinggi, sebanyak 162. Ia juga adalah kejuaraan kali ke-4 berturut-turut selepas tahun 2006, 2008 dan 2010.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May ketika berucap di majlis penutup sukan itu me-



Pasukan Badminton MPOB yang turut memenangi pingat emas Sukan MPIC 2012.



Pasukan Futsal Wanita juga memenangi pingat emas.



Pasukan Tarik Tali MPOB turut raih pingat emas.



Kontinjen Sukan MPOB yang menjuarai Karnival Sukan MPIC 2012 menerima Anugerah Khas Ketua Pengarah sempena Majlis Anugerah Q MPOB 2012.





# POINTERS bincang isu minyak dunia

»Ketidaktentuan ekonomi pengaruhi industri minyak dan lemak dunia

Tahun 2013 akan menjadi tahun penting bagi ahli industri minyak dan lemak ekoran keadaan ekonomi global yang tidak stabil dan keadaan cuaca yang tidak menentu.

Ini akan memberikan kesan terhadap bekalan dan permintaan minyak dan lemak terutama minyak sawit. Dengan rekod stok minyak sawit yang tinggi pada awal tahun dan ramalan pengeluaran minyak yang lebih rendah serta ketidaktentuan pengeluaran kacang soya, ia akan mempengaruhi pergerakan harga minyak dan lemak dunia termasuk harga minyak sawit.

Semua ini akan dijelaskan dengan lebih terperinci di laman POINTERS.

Laman ini dijangka akan menarik minat lebih seribu ahli industri minyak dan lemak.

Seminar Internet Minyak Sawit (POINTERS) yang akan dianjurkan di dalam talian pada 18 hingga 25 Februari 2013 membariskan pakar dalam pergerakan harga pasaran hadapan komoditi dan ahli industri minyak dan lemak utama untuk berkongsi pandangan di dalam perkembangan pasaran minyak dan lemak dunia.

## Ikuti perkembangan semasa

Seminar berasaskan web ini memberi peluang kepada mereka yang berdaftar untuk mengikuti perkembangan semasa harga dan pasaran minyak dan lemak dunia dengan lebih mudah pada bila-bila masa dan di mana saja.

POINTERS juga memberi peluang untuk peserta berinteraksi dengan pakar dan peserta lain pada sesi berkenaan. Kertas pembentangan akan sedia untuk dimuat turun pada tarikh berkenaan. Antara tajuk yang akan dibentangkan adalah:

“ Dengan rekod stok minyak sawit yang tinggi pada awal tahun dan ramalan pengeluaran minyak yang lebih rendah serta ketidaktentuan pengeluaran kacang soya, ia akan mempengaruhi pergerakan harga minyak dan lemak dunia termasuk harga minyak sawit”

- Global Oils and Fats Outlook: 1st Half of 2013

- Global Crops Outputs and Where Vegetable Oils Prices Will Head in the Next 3 Months

- Will Palm Oil Continuously Being Undervalued Against Soybean Oil With Soybean Bump Crop Arriving in 2013?

- Palm Oil Price Analysis and Outlook for 2013

- Supply and Demand Prospects for Oils and Fats Industry in Malaysia.

- Edible Oils & Oilseeds, Globalised Commodities Coverage.

- 2013 Market Directions – Planters Perspectives.

## Pengetahuan amat berguna

Seminar akan memberi pengetahuan yang amat berguna kepada ahli industri minyak dan lemak serta orang ramai yang berminat.

Banyak maklumat penting dan perkembangan terkini dalam industri minyak dan lemak akan dikongsi bersama di dalam seminar ini.

Penyertaan aktif dari orang ramai amat dialu-alukan.

Pendaftaran dibuka mulai sekarang di <http://www.pointers.org.my>.

Organised By: MPOC

# POINTERS

## Palm Oil Internet Seminar

### Mapping the Palm Oil Price – 2013 Market Perspectives

Login at [www.pointers.org.my](http://www.pointers.org.my)

Papers will be available from 18 - 25 February 2013  
Spend that week to interact with the speakers

Papers to be discussed at the upcoming POINTERS

- Global Oils and Fats Outlook: 1st Half of 2013
- Global Crops Outputs and Where Vegetable Oils Prices Will Head in the Next 3 Months
- Will Palm Oil Continuously Being Undervalued Against Soybean Oil With Soybean Bump Crop Arriving in 2013?
- Palm Oil Price Analysis and Outlook for 2013
- Supply and Demand Prospects for Oils and Fats Industry in Malaysia
- Edible Oils & Oilseeds, Globalised Commodities Coverage
- 2013 Market Directions – Planters Perspectives

MPOC reserves the rights to change the speakers/programme content should circumstances beyond the control of MPOC occurs which so demands



# Sektor perladangan sawit perlu tenaga kerja tempatan

Berdasarkan rekod seramai 306,000 pekerja asing bekerja di sektor perladangan komoditi sehingga 31 Julai 2012. Ini merupakan 19.4 peratus dari 1.58 juta pekerja asing berdaftar sepertimana dinyatakan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok. Dengan merujuk kepada fakta tersebut, dapat digambarkan betapa besar pergantungan kita terhadap buruh asing terutamanya di sektor perladangan sawit. Jika diperhalusi, kita akan dapati bahawa bukan semua pekerja tersebut adalah pekerja berdaftar.

Sejumlah besar merupakan pendatang tanpa izin. Kebanjiran mereka ini menawarkan upah yang jauh lebih rendah bagi pekerjaan berat di ladang di samping tidak memerlukan penggunaan peralatan jentera atau kemudahan yang terlalu mahal. Kelebihan dari segi kos ini amat disukai oleh kebanyakan pengusaha ladang. Walau bagaimanapun, di sebalik kelebihan tersebut tersembunyi masalah yang akan dihadapi pada masa hadapan terutamanya dalam jangka masa yang panjang.

## Pekerja tak terlatih

Boleh dikatakan majoriti pekerja asing adalah pekerja tidak terlatih. Pekerja asing datang ke ladang-ladang sawit tanpa pengetahuan mengenai industri sawit. Mereka hanya belajar dari rakan terdahulu dan pengetahuan mereka akan terhenti setakat itu sahaja. Tidak ada sebarang latihan lanjutan yang dipelajari dalam meningkatkan kemahiran dan ini menyebabkan produktiviti mereka tidak meningkat. Selain itu mereka juga kurang mengutamakan aspek kualiti serta penyelenggaraan la-

**PEMENANG PERTAMA**  
**Muhamad Amirul Syafiq Bin Mohamad Saat**  
**(No. K/P: 001221-01-0259)**  
**SM Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya, Selangor**

dang. Aspek penjagaan seperti pembajaan dan pencantasan juga tidak diutamakan meskipun ianya merupakan penyumbang kepada penghasilan sawit yang bermutu. Kelemahan-kelemahan ini menyebabkan produktiviti dan kualiti sawit yang dihasilkan amat rendah. Akhirnya hasil perahan minyak sawit dan hasil sawit secara keseluruhannya akan terjejas.

## Kurang latih pekerja

Pihak majikan pula kurang cenderung melatih pekerja asing memandangkan pekerja ini tidak boleh diharapkan menjadi pekerja tetap. Peraturan imigresen menetapkan, pekerja asing hanya boleh bekerja untuk beberapa tahun sebelum diwajibkan pulang ke negara asal masing-masing. Kebanyakan pekerja asing sendiri tidak berhasrat bekerja selama-lamanya di sini. Matlamat mereka hanyalah mengumpul wang untuk dibawa ke negara asal. Setiap kali pekerja asing pulang, majikan perlu melatih semula pekerja yang baru dan ini mengambil masa serta menurunkan produktiviti.

Selain itu, keengganan warga tempatan untuk bekerja di sektor perladangan sawit sedikit sebanyak disebabkan oleh tawaran insentif yang kurang menarik berbanding sektor lain dan mengangap pekerjaan di ladang adalah kerja yang berat. Sekiranya sektor ini memerlukan pe-

nyertaan dari pekerja tempatan, satu bentuk insentif yang lebih menarik mestilah ditawarkan. Pekerjaan dengan gaji yang tetap, mempunyai kenaikan gaji tahunan serta peluang kenaikan pangkat akan meletakkan sektor ini ke tahap yang hampir sama dengan pekerjaan lain. Insentif seperti bonus produktiviti bulanan apabila pencapaian melebihi sasaran akan menggalakkan minat tenaga kerja tempatan kerana mereka akan merasa dihargai seolah-olah 'ada saham' dalam ladang tersebut.

Penggunaan mekanisasi dan pengenalan teknologi perladangan baru dapat meringankan bebanan kerja di ladang. Penggunaan alatan seperti pemetik 'cantas' dan jentera pengangkutan 'Rhyno' merupakan contoh terbaik dalam meminimumkan penggunaan tenaga manusia. Masih banyak lagi ruang inovasi untuk dilaksanakan di ladang-ladang sawit. Sebagai contoh jentera atau teknologi untuk membaja, mengawal rumput serta makhluk perosak dan pengangkutan buah sawit di kawasan bercerun dan lembah. Bukan semua ladang sawit berada di kawasan tanah pamah. Kemajuan inovasi seperti ini boleh menarik minat warga tempatan untuk bekerja di sektor perladangan sawit.

## Hadapi masalah serius

Sekiranya pergantungan kepada pekerja asing berterusan, lambat laun sektor ini akan menghadapi masalah serius kerana di negara-negara seperti Indonesia dan Bangladesh, mereka kini telah mempunyai ladang-ladang sawit sendiri. Kemahiran pekerja asing yang kini bekerja di Malaysia pasti akan digunakan di negara asal sekiranya mereka memilih untuk bekerja di negara asal. Usaha untuk menarik minat warga tempatan kembali mengusahakan ladang sawit akan memastikan industri terbesar negara ini akan terus berkembang dan memberikan sumbangan yang utama kepada Malaysia.

# Peraduan mengarang esei Berita Sawit Januari 2013

**Peraduan** ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: "Bincangkan".

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;  
 Hadiah Pertama : RM250  
 Hadiah Kedua : RM200  
 Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Februari 2013 akan datang.

Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada pelajar sekolah

menengah tingkatan 1 hingga 5

2. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan

3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)

4. Keputusan juri adalah muktamad

5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 23 Januari 2013

6. Hantarkan penyertaan ke alamat:

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit

Ibu Pejabat MPOB  
 6, Persiaran Institusi,  
 Bandar Baru Bangi,  
 43000 Kajang, Selangor  
 u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Disember 2012

Pemenang:

Hadih Pertama  
 Muhamad Amirul Syafiq Mohamad Saat  
 (No. K/P: 001221-01-0259)  
 SM Sultan Abdul Samad  
 46000 Petaling Jaya, Selangor

Hadih Kedua  
 Mohd Akmal Abd Samad  
 (No. K/P: 960927-08-5085)  
 SMK Tinggi Kajang  
 Jalan Semenyih  
 43000 Kajang, Selangor

Hadih Ketiga  
 Amin Khalili b Yusoff  
 (No. K/P: 980310-144-5755)  
 SMK Batu Muda  
 Kampung Batu Muda  
 51100 Kuala Lumpur

## KUIZ SAWIT

### Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 23 Januari 2013
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

**Ketua Pengarang Berita Sawit**  
**Kuiz Sawit (Siri 19)**  
**Ibu Pejabat MPOB**  
**6, Persiaran Institusi,**  
**Bandar Baru Bangi,**  
**43000 Kajang, Selangor**  
 (UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

### Soalan Kuiz Sawit Siri 25

1. Singkatan bagi buah tandan segar dan minyak sawit mentah dalam bahasa Inggeris adalah  
 BTS dan MSM       FFB dan CPO       EFB dan CPO
2. IOPRI adalah badan yang menjalankan penyelidikan sawit bagi negara  
 India     Indonesia     Iran
3. Nama penuh IOPRI ialah  
 Indian Oil Palm Research Institut     Indonesian Oil Palm Research Institute  
 Iran Oil Palm Research Institute
4. Berikut adalah ejen kawalan biologi bagi penyakit dan perosak sawit kecuai  
 Trichoderma     Mycorrhiza     Oryctes
5. Jus minuman yang terhasil daripada sawit dikenali sebagai phenolics  
 Betul     Salah
6. Jus sawit mengandungi khasiat anti oksidan, anti barah dan anti diabetik  
 Betul     Salah
7. Anugerah anjuran MPOB yang mengiktiraf penganjur industri sawit dikenali  
 Anugerah Industri Malaysia     Anugerah Sawit Malaysia  
 Anugerah Industri Sawit Malaysia
8. Kategori yang dipertandingkan dalam anugerah anjuran MPOB untuk penganjur industri termasuk yang berikut, kecuai...  
 Kategori Kilang     Kategori Ladang  
 Kategori Peneroka
9. Berikut pasukan yang mengambil bahagian dalam Karnival Sukan MPIC 2012 kecuai...  
 Gabungan Majlis-Majlis (GMM)     Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC)  
 Lembaga Getah Malaysia (LGM)
10. Seminar anjuran Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) yang menggunakan medium internet dikenali...  
 POTS     POINTERS     POINTS

### Borang penyertaan

Nama: \_\_\_\_\_  
 Tahap: \_\_\_\_\_ No tel: \_\_\_\_\_  
 Alamat Sekolah: \_\_\_\_\_  
 Alamat Rumah: \_\_\_\_\_

### Nama pemenang Siri 24

- **Ahmad Hasif Akram b. Mohamad Khizar**  
 Sek. Keb. Desa Jaya, Bandar Tun Abdul Razak, Jengka, Pahang
- **Ahmad Faez Azhari b. Ismail**  
 Sek. Keb. Leftenan Adnan, Jln Sg. Rama, Kajang, Selangor
- **Athirah Soleha bt. Md Salehuddin**  
 Sek. Keb. Felda Tenggara 3, Mersing, Johor
- **Nurizzati bt Kamarudin**  
 Sek. Keb. Bandar Sg. Buaya, Rawang, Selangor
- **Fitri Izzati bt Zolkifli**  
 Sek. Convent, Teluk Intan, Perak
- **Muhammad Afiq Zailni**  
 Sek. Keb. Taman Tasik Jaya, Seremban, Negeri Sembilan
- **Abd Latif H. Mohtar**  
 Sek. Keb. Seri Mubara, Ipoh, Perak
- **Muhamad Danial A. Aziz**  
 Sek. Keb. Sultan Ibrahim (1), Pasir Mas, Kelantan
- **Nurain Afiqah bt Yusoff**  
 Sek. Keb. Trn. Koperasi Polis, Trn Koperasi Polis Fasa II, Kuala Lumpur



Tan Sri Bernard Dompok **menyampaikan sijil penyertaan** kepada Datuk Dr Choo Yuen May semasa Karnival Kerjaya MPIC di Penampang, Sabah baru-baru ini. Turut kelihatan Pembantu Menteri Kewangan Sabah, Datuk Donald Peter Mojuntin.



Tan Sri Bernard Dompok **menyampaikan sijil IMPAC** kepada peserta sempena Majlis Penganugerahan Sijil IMPAC Kali Ke-3 di Seri Kembangan, Selangor.



Tan Sri Bernard Dompok **menyalakan obor** bagi merasmikan Karnival Sukan MPIC 2012 Ke-13 di Kompleks Institut Penilaian Negara (INSPEN) 2 baru-baru ini.



Tan Sri Bernard Dompok, Tan Sri Shahrir Abdul Samad (empat dari kanan) dan Datuk Dr Choo Yuen May (tiga dari kanan) bergambar bersama pemenang-pemenang **Anugerah Penerbitan Terbaik Keseluruhan, Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Piala Pusingan Ketua Pengarah dan Anugerah Kecemerlangan Sains Piala Pusingan Ketua Pengarah 2012** pada Majlis Anugerah MPOB dan Anugerah Industri Sawit 2012.



Tan Sri Bernard Dompok, Tan Sri Shahrir Abdul Samad dan Datuk Dr Choo Yuen May semasa **majlis makan malam sempena Majlis Anugerah MPOB dan Anugerah Industri Sawit 2012**.



Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita Negeri Perak, Dato' Hamidah Osman mencuba **peralatan mengutip buah sawit lerai** yang dipamerkan sempena Seminar Pindahan Teknologi dan Pameran 2012 anjuran bersama Perak Akademi dan MPOB di Ipoh, Perak baru-baru ini. Turut kelihatan Dr Ahmad Kushairi Din (tiga dari kanan) dan Ahmad Sidek Stroo (kanan).



Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainudin menyampaikan **Piala Juara Keseluruhan Karnival Sukan MPIC 2012** kepada Ketua Kontinjen MPOB, Dr Ramle Muslim. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May (kiri).